

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEBELAS
21 MEI 2007**

PERKARA : 5(A)(51)

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

51. Apakah status pembinaan jejantas di Jalan Tengah. Mengapakah terdapat kelewatan dalam pembinaannya dan bilakah pembinaan jejantas ini akan bermula dan dijangka siap.

**Y.B. DATO' DR. TENG HOCK NAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

51. Kerja-kerja pembinaan jejantas di Jalan Tengah telah bermula pada awal bulan April 2007 dan dijangka siap dalam masa empat (4) bulan iaitu pada bulan Ogos 2007.

Projek ini adalah ditaja dan dibina oleh Syarikat Dairy Farm Giant Properties Sdn Bhd. Kelewatan dalam melaksanakan projek adalah kerana menunggu penyediaan perjanjian di antara MPPP dan syarikat penaja. Polisi pihak penaja memerlukan perjanjian disiapkan terlebih dahulu sebelum sebarang perbelanjaan dapat dikeluarkan. Oleh yang demikian, syarikat penaja hanya melantik juru perunding dan kontraktor

selepas perjanjian siap ditandatangani dan seterusnya barulah kerja-kerja penyediaan reka bentuk jejantas, lukisan struktur, menjalankan ujian-ujian, mengenal pasti kemudahan utiliti yang perlu dipindahkan, proses mendapatkan kelulusan Majlis dan Jabatan Kerja Raya dijalankan.

Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan MPPP supaya pembinaan jejantas yang penting seperti ini dibina dengan peruntukan MPPP sendiri untuk mengelakkan kelewatan dan kemudian MPPP boleh mengutip sewaan iklan.